

26/08/2000

Tindakan ISNA tidak beretika

PERSATUAN Islam Amerika Utara (ISNA) mungkin beranggapan ia begitu signifikan sehingga boleh mengundang seseorang pemimpin negara dan kemudian membatalkannya sesuka hati. Sebenarnya ia tidak pun demikian. Sama ada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghadiri perhimpunan persatuan itu di Rosemont, Illinois, Amerika Syarikat yang dijadualkan dari 1 hingga 4 September ini atau sebaliknya, ia tidak memberi apa-apa perbezaan kepada Perdana Menteri. Tidak juga sebarang kerugian di pihaknya, sebaliknya harus lebih kepada persatuan itu sendiri.

Dr Mahathir tidak pun meminta diundang, apatah lagi untuk merayu diberi peluang berucap. Sebaliknya, dua wakil kanan ISNA yang terdahulu mengunjungi Perdana Menteri untuk menyampaikan undangan itu. Sebagai menghormati pertubuhan Islam, Dr Mahathir sedia memenuhinya. Namun, ketika ISNA memutuskan untuk membatalkan undangan itu - kononnya atas bantahan ahlinya yang tidak berpuas hati dengan hukuman penjara sembilan tahun ke atas Datuk Seri Anwar Ibrahim yang didapati bersalah atas tuduhan meliwat - pertubuhan itu tidak langsung menunjukkan rasa hormat kepada pemimpin negara. Pembatalan itu dimaklumkan melalui sepucuk surat kepada Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat, Datuk Ghazzali Sheikh Abdul Khalid.

Mungkin juga tindakan mereka bertujuan memalukan Perdana Menteri tetapi ia sekadar mengembalikan aib kepada mereka sendiri. Beginikah cara sebuah persatuan yang mendukung Islam sebagai pegangan dan cara hidup menghormati seorang Islam yang lain, apatah lagi seorang pemimpin sebuah negara berdaulat? Apakah memungkiri janji itu tidak berlawanan dengan Islam?

Malah, tindakan ISNA itu bukan saja satu ketidakadilan serta penghinaan kepada Dr Mahathir, malah seluruh rakyat Malaysia. Sebagaimana ketika mereka menyampaikan undangan sebelumnya, adalah lebih wajar dan beradab andainya ISNA mengatur temu janji dengan Perdana Menteri untuk memaklumkan pembatalan berkenaan. Sekurang-kurangnya mereka akan berpeluang mendengar sendiri daripada Dr Mahathir mengenai pengadilan mahkamah terhadap Anwar daripada memutuskan pendirian berdasarkan pandangan sebelah pihak semata-mata. Daripada tindakan mereka, jelaslah ISNA sebuah persatuan tidak beretika. Dan sebagai sebuah persatuan yang tidak menghormati lain, maka tidak wajar juga mereka dihormati.

(END)